

Tiada laluan

JPS hadapi kesukaran baiki tebing

AZIMAH GHAZALI

GOMBAK – Tiada laluan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menjalankan kerja pembaikan tebing sungai berhampiran rumah penduduk di Batu 8, Jalan Lama Gombak dekat Klinik Desa Batu 8, di sini.

Jurutera Daerah JPS Gombak, Ir Mohd Fuad Buang berkata, bagaimanapun pihaknya sudah maklum berkenaan aduan penduduk berhubung kejadian itu sejak tahun lalu.

“Kita sudah jalankan siasatan dan mendapati tempat hakisan itu tiada laluan untuk kita buat kerja. Jentera tidak boleh masuk kecuali penduduk mahu beri laluan, manakala air sungai pun agak dalam.

“Selain itu, JPS tidak boleh membaiki tebing itu sahaja kerana ia tidak akan menyelesaikan masalah. Jika hendak dibaiki, ia perlu dibuat di sepanjang kira-kira 50 meter dari tempat hakisan tebing sungai itu,” katanya.

Dalam pada itu, Mohd Fuad tidak menafikan kawa-

Hakisan sungai jejas rumah

Batu sangkar rosak akibat arus deras



Keratan Sinar Harian 30 Mei lalu.

san sungai yang berlekuk dan difahamkan menjadi laluan kayu balak antara sebab hakisan menyebabkan sangkar batu di tebing sungai terbabit terjejas.

Katanya, memandangkan anggaran kos bagi membaiki kerosakan terlibat agak tinggi, pihaknya akan membuat permohonan peruntukan daripada Ibu Pejabat JPS supaya masalah diadukan dapat diatasi.

“Buat masa ini JPS Gombak perlu memberi keutamaan di kawasan yang lebih teruk dan serius menghadapi hakis-

an sungai,” katanya.

Sinar Harian pada 30 Mei lalu menyiarkan keluhan wakil penduduk yang bimbang keadaan hakisan tebing aliran pertembungan dua sungai iaitu Sungai Pahang dan Sungai Pusu di situ, menjejaskan kediaman mereka.

Salah satu daripada tiga pemilik rumah terlibat memberitahu kediamannya mengalami keretakan simen luar belakang rumah, dikhuatiri boleh menjejaskan bahagian dapur serta berharap batu sangkar tebing sungai yang rosak dapat dibaiki.